



Ingin tahu teknologi AR

APAKAH yang dikatakan dengan teknologi AR (*Augment Reality*) dalam bidang teknologi maklumat?

Sebelum ini, wujud teknologi VR (*virtual reality*) atau realiti maya yang mana satu teknologi multimedia bagi mewujudkan satu keadaan siber secara maya dan hampir menyerupai keadaan sebenar untuk tujuan tertentu dengan alat-alat tertentu.

Sebagai contoh, dalam permainan komputer dengan menggunakan alat-alat khas dalam teknologi VR ini, seolah-olah pemain berada dalam keadaan dunia permainan komputer itu secara nyata. Mungkin juga sebagai simulasi penerbangan iaitu kapal terbang akan memberi keadaan seolah-olah pemain itu berada dalam keadaan sebenar menerbangkan sebuah pesawat.

Oleh itu, teknologi AR datang untuk mewujudkan keadaan maya. Apa yang terdapat dalam teknologi VR lebih hampir kepada keadaan yang benar-benar realiti. Sebagai contoh, teknologi AR ini digunakan dalam permainan Pokemon Go, yang menggabungkan dunia maya kepada keadaan realiti yang sebenar yang mana pemain sibuk mencari Pokemon yang wujud secara maya tetapi disimulasikan kewujudannya kepada dunia sebenar dalam permainan tersebut.

Teknologi AR ini akan menarik video atau grafik keluar dari skrin televisyen atau paparan komputer dan mengintegrasikannya ke dalam persekitaran dunia sebenar. Teknologi ini mengaburkan garisan realiti dengan apa yang dihasilkan komputer dengan meningkatkan tahap penggunaan deria manusia menerusi apa yang dilihat, didengar, dirasa dan dibau.

TEKNOLOGI MULTIMEDIA

Teknologi AR ialah teknologi multimedia yang mewujudkan pandangan langsung secara terus atau tidak kepada sesuatu fizikal, persekitaran dunia sebenar yang mana terdapat elemen tambahan dengan input deria janaan komputer seperti bunyi, video, grafik atau data Sistem Penentu Kedudukan Global (GPS).

Pada spektrum antara realiti maya yang mana mewujudkan persekitaran janaan komputer secara terperinci dan dunia sebenar, objek AR ini lebih lagi dekat dengan dunia sebenar. Objek AR ini ditambahkan dengan grafik, bunyi, maklum balas haptik dan bau yang hampir menyerupai keadaan sebenar. Industri permainan video dan telefon bimbit akan menjana pembangunan teknologi AR ke tahap yang lebih tinggi lagi.

Setiap orang sama ada pelancong, polis, peniaga dan lain-lain berupaya menjana pencarian maklumat atau pengetahuan sesuatu perkara seperti pencarian perhentian monorel yang paling dekat dan lain-lain dengan lebih cekap menerusi keupayaan untuk meletakkan grafik janaan komputer dengan penglihatan dalam pelbagai bidang kehidupan menerusi teknologi AR ini.